

# KERATAN AKHBAR

JUDUL : Berita RTM

TARIKH : Sabtu, 15 November 2014

Ibu Bapa Perlu Kawal Penggunaan Gajet Anak

<http://berita.rtm.gov.my/index.php/nasional-2/10658-ibu-bapa-perlu-kawal-penggunaan-gajet-anak>

## Ibu Bapa Perlu Kawal Penggunaan Gajet Anak

Created On Sabtu, 15 November 2014 17:38 Hits: 25

Like

{ 0 }

Tweet

{ 0 }



Kuala Lumpur - Ibu bapa perlu memantau penggunaan gajet dalam kalangan anak mereka khususnya peringkat kanak-kanak bagi mengelakkan mereka terjebak dengan unsur negatif dalam internet, kata Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) Nafisah Ahmad.

Beliau berkata ini kerana pemikiran dan tingkah laku kanak-kanak mudah dipengaruhi oleh apa yang dipaparkan dalam internet.

"Pada masa kini terdapat pelbagai laman web yang menonjolkan unsur ganas serta boleh memberi kesan terhadap tingkah laku kanak-kanak.

"Oleh itu saya menyeru ibu bapa agar mengawal penggunaan gajet anak-anak bagi mengelakkan berlakunya ketagihan teknologi dan keterlibatan mereka dengan laman web yang tidak sepatutnya di internet," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Sambutan Hari Kanak-kanak Sedunia 2014.

Acara sambutan Hari Kanak-kanak Sedunia 2014 bertemakan 'Membaca: Menjana Karisma Kanak-kanak' itu diadakan bagi memberi kesedaran kepada masyarakat terhadap pendidikan kanak-kanak dalam membimbing mereka menjadi insan berguna.